

Produk DiMES MicroBiz rangkul pingat emas dan hadiah terbaik dalam AIINEX2020

Gabungan idea kreatif dan inovatif empat penyelidik daripada tiga fakulti yang dinamakan sebagai DiMES MicroBiz membuahkan hasil apabila produk ciptaan mereka berjaya merangkul pingat emas dan hadiah terbaik tempat ketiga dalam *ASIA International Innovation Exhibition* (AIINEX 2020). Hadiah berupa pingat emas, trofi, wang tunai dan sijil telah disampaikan oleh YAB Datuk Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor, pada 11 Oktober 2020 bertempat di Pulau Springs Resort, Johor Bahru.

DiMES MicroBiz dipertandingkan dalam cabaran poster produk infografik kategori pendidikan dan sains sosial secara atas talian pada 18-20 September 2020 yang lalu. Sebanyak 68 penyertaan dipertandingkan bagi cabaran tersebut, hanya 12 penyertaan mendapat pingat emas dan DiMES MicroBiz telah terpilih antara tiga yang terbaik.

Projek DiMES MicroBiz dimulakan pada 15 Oktober 2018 dan telah berakhir pada 14 Ogos 2020 dengan mendapat tajaan geran pembangunan produk daripada Pusat Inovasi dan Pengkomersilan, UTHM. Projek ini diketuai oleh Puan Anim Zalina binti Azizan daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan. Turut sama terlibat sebagai penyelidik dalam projek ini adalah merupakan Profesor Dato' Dr Abdul Razak bin Omar (mantan Provost UTHM Kampus Pagoh), Kapten Dr Muhammad Suhaimi bin Sulong daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta Ts Dr Roslinda binti Ali daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

DiMES MicroBiz adalah merupakan sistem aplikasi telefon pintar yang pertama kali dibangunkan bertujuan untuk menilai kebolehan dan keupayaan pengusaha mikro bagi meningkatkan produktiviti dan saingan perniagaan. Lapan modul direka bentuk untuk mencapai objektif tersebut yang terdiri daripada nilai keusahawanan, pengurusan, sumber manusia, kepimpinan, pemasaran, kewangan, operasi, dan penyelidikan.

“Ini merupakan penyertaan kali pertama bagi projek DiMES MicroBiz dalam pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa. Agak berdebar juga apabila melihat kepada penyertaan yang hebat-hebat dalam kalangan peserta. Tambahan pula dalam keadaan era pandemik COVID-19 yang melanda negara dan seluruh dunia, aktiviti penyelidikan dikalangan penyelidik hanya mampu dilaksanakan secara atas talian dan ianya sedikit terbatas, namun disebabkan oleh rasa tanggungjawab antara anggota penyelidik, projek harus diteruskan dan diselesaikan”, kata ketua penyelidik.

Beliau turut melahirkan rasa syukur kerana mempunyai anggota penyelidik yang hebat dan kreatif serta mampu melaksanakan tugas penyelidikan dengan jayanya dalam keadaan norma baru. Beliau turut berharap agar DiMES MicroBiz ini dapat digunakan secara meluas dalam usaha untuk menentukan kejayaan sesebuah perniagaan dikalangan pengusaha mikro diseluruh negara.